

SALAP BETAMETHASONE DAN ASID SALISILIK (DIPROSALIC)

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Ubat ini untuk merawat radang kulit, ekzema dan psoriasis.

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Betametasone menghalang pengeluaran bahan-bahan yang menyebabkan keradangan dan kegatalan pada kulit. Asid salisilik dapat melembutkan lapisan

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA GUNA

- Cuci tangan sebelum menggunakan ubat.
- Sapu ubat dengan sekata pada kulit yang terlibat.
- Cuci tangan selepas menggunakannya (kecuali bahagian yang dirawat adalah tangan).



C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN? (sambungan)

B. JIKA TERLUPA

- + Sapu dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- + Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- + Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (kurang atau pada 23°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- + Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!

➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- + Mempunyai sejarah alahan dengan ubat ini.
- + Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- + Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan.



➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- + Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: kulit kering, rasa terbakar pada kulit)
- + Mengalami alahan/alerji kepada ubat ini



E. KESAN SAMPING UBAT

AMARAN !!

SEKIRANYA

TANDA-

TANDA INI

BERLARUTAN

SILA

RUJUK

DOKTOR

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Rasa terbakar pada kulit
 - Kulit menjadi kemerah-merahan
- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Reaksi alahan seperti kegatalan, sesak nafas, ruam, bengkak pada bibir, muka atau lidah.

Rujukan:

- <https://www.drugs.com>
- www.medscape.com

